

18 AUG 1996

PROJEK SUTERA HARBOUR TIDAK JEJAS ALAM SEKITAR

KOTA KINABALU, 18 Ogos (Bernama) -- Projek Sutera Harbour Resort di sini yang dibina di atas tanah tebus guna seluas 154 hektar tidak menjejaskan alam sekitar di kawasan berkenaan.

Pengarah Sutera Harbour Golf & Country Club Bhd, Foo Kia Inn berkata pihaknya mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi memastikan projek yang lebih besar daripada keluasan Kota Kinabalu tidak akan menjejaskan alam sekitar.

"Setiap minggu jabatan itu akan membuat pemeriksaan di tapak projek untuk memastikan tidak ada kerosakan alam sekitar," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Projek itu yang kini 40 peratus siap, akan mempunyai antara lain kelab perahu layar, dua hotel bertaraf lima bintang masing-masing dengan 450 bilik dan 500 bilik, kondominium, banglo serta padang golf 27 lubang bertaraf antarabangsa.

Projek berkenaan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Julai 1994 dan akan siap sepenuhnya pada 1998.

Foo berkata pusat peranginan berkenaan juga berusaha untuk mencapai piawaian ISO 14000, piawaian antarabangsa berkaitan pengurusan alam sekitar. -- BERNAMA

JS FAZ